



SEBUT HARGA PEMBANGUNAN, PEROLEHAN DAN PERLAKSANAAN PRODUKSI IKLAN UNTUK PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN) BAGI TAHUN 2017

1. KENYATAAN AM / TAWARAN

- 1.1 Tawaran adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang **222001 & 222003** untuk **Sebut Harga Pembangunan, Perolehan Dan Pelaksanaan Produksi Iklan Untuk Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) Bagi Tahun 2017** dan masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini untuk Sebut Harga berikut:-

Tajuk	Kategori	Kod Bidang	No. Dokumen	Tarikh Buka Sebut Harga	Tarikh Tutup Sebut Harga
Sebut Harga Pembangunan, Perolehan Dan Pelaksanaan Produksi Iklan Untuk Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) Bagi Tahun 2017	Media Elektronik (tidak termasuk kerja-kerja percetakan) & Bill Board	<u>222001</u> & <u>222003</u>	PTPTN/2017/SH05	23 Mac 2017 (Khamis)	31 Mac 2017 (Jumaat) sebelum jam 12.00 tengah hari
<ul style="list-style-type: none"> Taklimat berkaitan Sebut Harga akan diadakan pada 24 Mac 2017 (Jumaat), jam 3.30 petang bertempat di Dewan Besar PTPTN, Tingkat 1, Blok D Menara PTPTN, Megan Avenue II, Jalan Yap Kwan Seng, Kuala Lumpur. 					

- 1.2 Dokumen Sebut Harga hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di **Bahagian Perolehan, Tingkat 13A, Menara PTPTN, Blok D, Megan Avenue II, No.12 Jalan Yap Kwan Seng, 50450 Kuala Lumpur.**

- 1.3 Sebut Harga yang lewat dihantar tidak akan diterima / dilayan. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kelewatan yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada Sebut Harga yang dihantar.
- 1.4 Semua keterangan mengenai Sebut Harga ini atau butir-butir lengkap mengenai syarat-syarat dan penentuan perkhidmatan/bekalan perlu dikemukakan bersama-sama dokumen ini.
- 1.5 **Tawaran akan ditolak sekiranya gagal memenuhi mana-mana syarat dalam dokumen Sebut Harga.**
- 1.6 Pemilihan syarikat akan dibuat berdasarkan kebolehan dalam **memenuhi skop kerja dan mematuhi spesifikasi yang ditetapkan serta anggaran kos yang ditawarkan** oleh penyebut harga dan hanya penyebut harga yang berjaya akan dihubungi.
- 1.7 Pihak PTPTN berhak menamatkan perkhidmatan yang diberikan oleh syarikat pada bila-bila masa sekiranya :
- a) Tidak mematuhi skop kerja;
 - b) Tidak memenuhi kriteria yang telah dipersetujui;
 - c) Tidak mengikuti spesifikasi yang ditetapkan.
- 1.8 Semua pertanyaan atau penjelasan boleh berhubung dengan pegawai-pegawai berikut :

Jabatan Perolehan & Pengurusan Stor

- | | | |
|------|--------------------------------------|-------------------|
| i. | Encik Zubir bin Che Embi | Tel: 03.2193.1015 |
| ii. | Encik Muhammad Jihadullah bin Othman | Tel: 03.2193.1441 |
| iii. | Puan Rocida binti Ahmad | Tel: 03.2193.1440 |

**Bahagian Perolehan,
Tingkat 13A, Menara PTPTN, Blok D, Megan Avenue II,
No.12 Jalan Yap Kwan Seng, 50450 Kuala Lumpur.**